

# Vocinti Film-Coated Tablet

Vonoprazan 10mg and 20mg

## Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Vocinti
2. Bagaimana Vocinti berfungsi
3. Sebelum mengambil Vocinti
4. Cara menggunakan Vocinti
5. Semasa menggunakan Vocinti
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Vocinti
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Vocinti

Doktor anda mungkin akan memberi Vocinti sebagai prekripsi untuk orang dewasa bagi indikasi berikut:

- Rawatan ulser perut dan duodenum
- Rawatan dan penyelenggaraan radang esofagus sehingga 52 minggu.
- Pencegahan perulangan ulser perut atau deodenum semasa rawatan NSAID (rawatan NSAID untuk kesakitan atau keradangan)
- Rawatan jangkitan disebabkan oleh bakteria *Helicobacter pylori* bergabung dengan kombinasi terapi antibiotik

## Bagaimana Vocinti berfungsi

Vocinti ialah sejenis *potassium competitive acid blocker (PCAB)* dan menghalang H<sup>+</sup>, K<sup>+</sup> -ATPase secara boleh balik dan kalium-persaingan. Ia tidak memerlukan pengaktifan oleh asid.

## Sebelum mengambil Vocinti

- Bila tidak boleh mengambil Anda tidak boleh mengambil Vocinti jika anda mempunyai alergi kepada *vonoprazan* atau

kandungan lain di dalam ubat ini. (lihat Maklumat Lanjut) Jika anda sedang mengambil ubat yang mengandungi bahan aktif *atazanavir* atau *rilpivirine*.

- Sebelum mula mengambil Vocinti

Amaran dan langkah berjaga-jaga

Sebelum mengambil Vocinti, beritahu doktor jika:

- Mempunyai masalah hati.
- Mempunyai masalah buah pinggang
- Hamil atau merancang untuk hamil.
- Sedang menyusu atau merancang untuk menyusu kerana tidak diketahui jika Vocinti akan meresap ke dalam susu anda. Jangan menyusu ketika menerima terapi Vocinti.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor anda mengenai semua ubat yang anda ambil, termasuk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi, vitamin dan makanan tambahan herba. Hubungi doktor anda sebelum anda mula atau berhenti mengambil sebarang ubat-ubatan.

• Terutamanya beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat yang mengandungi bahan aktif berikut kerana Vocinti mungkin akan menjejaskan atau dijejas oleh ubat berikut:

- *Clarithromycin* (digunakan untuk merawat jangkitan)
- *Atazanavir* atau *rilpivirine* (digunakan untuk merawat HIV)
- *Midazolam*

## Cara menggunakan Vocinti

- Berapa banyak harus digunakan

Dos Vocinti bergantung kepada keadaan anda. The dose of Vocinti depends on your condition. The usual doses of Vocinti for adults are given below:

- Rawatan ulser perut: Satu tablet 20mg setiap hari untuk 8 minggu.
- Rawatan ulser duodenam: Satu tablet 20mg setiap hari untuk 6 minggu.
- Rawatan keradangan esofagus: Satu tablet 20mg setiap hari untuk 4 minggu. Jika symptom anda berlarutan atau tidak lega dalam 4 minggu, beritahu doktor anda. Untuk penyelenggaraan pemyembuhan keradangan esofagus, ambil satu tablet 10mg setiap hari. Doktor anda mungkin akan menambah dos 20mg jika keberkesanan ubat tidak tercapai. Boleh diambil sehingga 52 minggu.
- Pencegahan perulangan ulser perut atau duodenum untuk pesakit yang memerlukan rawatan NSAID: satu tablet 10mg setiap hari
- Rawatan jangkitan yang disebabkan oleh bakteria *Helicobacter pylori* dengan kombinasi antibiotic terapi: Satu tablet 20mg dengan dua jenis kombinasi antibiotic dua kali sehari untuk 7 hari. Kombinasi antibiotic yang disyorkan:
  - 20mg Vocinti dengan *amoxicillin* dan *clarithromycin*

# Vocinti Film-Coated Tablet

Vonoprazan 10mg and 20mg

---

- 20mg Vocinti dengan *amoxicillin* dan *metronidazole*

Jika anda sedang dirawat untuk jangkitan disebabkan anda memunyai ulser, ulser anda mungkin tidak akan kembali jika Berjaya merawat jangkitan tersebut.

- Bila perlu digunakan  
Vocinti boleh diambil tanpa makanan atau masa makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Vocinti sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan  
Jika anda terlepas dos, ambil sebaik anda ingat. Jika anda tidak ingat sehingga ia adalah masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan ambil dos seterusnya pada masa biasa anda. Jangan mengambil dua dos Vocinti pada masa yang sama.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Jika anda terlebih mengambil Vocinti, hubungi doktor anda atau segera ke hospital.

## Semasa menggunakan Vocinti

- Perkara yang perlu dilakukan
  - Vocinti perlu ditelan keseluruhan.
  - Hubungi doktor anda jika anda mengalami berikut:
    - Kesukaran pernafasan atau menelan secara tiba-tiba, bengkak pada muka, bibir, lidah dan tekak atau badan, pengan (reaksi alahan yang teruk)

- Warna kekuningan pada kulit atau mata, air kencing gelap dan keletihan yang boleh menjadi gejala masalah hati (lihat kesan sampingan)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Vocinti tidak boleh dikunyah.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sambutan gejala untuk Vocinti tidak menghalang kehadiran kanser gastrik.
- Terdapat peningkatan risiko keretakan tulang untuk orang yang menerima dos yang tinggi, atau mengguna lebih dari setahun atau lebih.
- Terdapat peningkatan risiko jangkitan bakteria.
- Meningkatkan tahap kromogranin A (CgA)

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat lain, Vocinti mungkin menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mendapat. Kesan sampingan biasa dari Vocinti termasuk:

- Cirit-birit
- Sembelit

Kesan sampingan yang luar biasa Vocinti termasuk:

- Loya
- Keadaan abdomen (kawasan perut) tegang
- Nilai ujian fungsi hati berubah

Kekerapan yang tidak diketahui:

- Masalah alahan yang serius

- Masalah kulit seperti letusan, ruam atau gatal-gatal
- Masalah hati (termasuk loya, atau muntah, sakit perut, keletihan yang teramat atau berlainan, hilang selera makan, air kencing gelap) dan *jaundice* (kekuningan pada kulit dan kawasan putih mata)

Jika anda mempunyai sebarang kesan sampingan lain, termasuk yang tidak disenarai dalam risalah ini, beritahu doktor anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Vocinti

Penyimpanan  
Simpan di bawah 30°C. Jauhi Vocinti dan ubatan lain daripada kanak-kanak.

## Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan yang tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

Vocinti dibekalkan sebagai tablet bersalut filem berbentuk bujur dan dibezakan dengan warna dan tanda yang dicetak pada badan:

- 10mg – kuning pucat dicetak dengan "B217" di sebelah atas

# Vocinti Film-Coated Tablet

Vonoprazan 10mg and 20mg

---

- 20mg – merah pucat dicetak dengan "B218" di sebelah atas

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: *Vonoprazan*

Bahan tidak aktif: *D-mannitol*,

*crystalline cellulose*,

*croscarmellose sodium*,

*hydroxypropyl cellulose*,

*fumaric acid*, *magnesium*

*stearate*, *hypromellose*,

*macrogol 6000*, *titanium oxide*

(terkandung dalam 10mg dan

20mg tablet), *yellow ferric*

*oxide* (terkandung dalam 10mg

tablet), *iron sesquioxide*

(terkandung dalam 20mg

tablet)

- Nombor MAL

MAL19056002ARZ (10mg)

MAL19056003ARZ (20mg)

**Pengilang:**

Takeda Pharmaceutical

Company Limited

(Hikari Plant)

Donaustauer Strasse 378

4720 Takeda, Mitsui, Hikari,

Yamaguchi

743-8502 Japan

**Pemegang Pendaftaran**

**Produk:**

Takeda Malaysia Sdn Bhd

Unit TB-L13-1, Level 13,

Tower B, Plaza 33,

No. 1, Jalan Kemajuan,

Seksyen 13,

46200 Petaling Jaya, Selangor,

Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**

1/4/2025

**Nombor Siri**

NPRA (R1/3) 16042025/074